

# UMP bantu pupuk budaya membaca

Nefro (Sekompat) Selasa, 26/10/2010 ms 18

KUANTAN: Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyumbang lebih 400 buku ilmiah dan latihan kepada Sekolah Kebangsaan (SK) Jaya Gading, di sini, bagi memupuk budaya membaca di kalangan generasi muda sempena pelancaran Program Bank Buku anjuran Persatuan Mahasiswa Improsh dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan Pengurusan Teknologi (FKPPT) universiti berkenaan, kelmarin.

Dekan FKPPT, Profesor Dr Ahmad Othman berkata, langkah menyumbang buku kepada sekolah berkenaan antara usaha UMP menggalakkan masyarakat membaca terutamanya di kalangan pelajar sekolah bagi membudayakan tabiat membaca se-



BANTU...Dr Ahmad (berdiri kiri) menyerahkan sumbangan buku kepada Zuryati.

bagai rutin harian mereka.

Menurutnya, sikap rajin membaca bukan saja dapat menambahkan ilmu pengetahuan, malah memperbaiki masalah penggunaan bahasa ketika berkomunikasi.

"Buku sumbangan ini dikumpulkan daripada mahasiswa dan kakitangan UMP sendiri menerusi konsep derma kumpul derma yang dilaksanakan sejak September lalu untuk dikumpulkan

dalam bank buku.

"Kami juga berharap pihak sekolah menempatkan buku ini di sudut bacaan setiap kelas sebagai bahan bacaan dan rujukan pelajar kerana ia mampu menambah pengalaman melalui pembacaan," katanya ketika ditemui selepas majlis pelancaran program itu dan penyerahan sumbangan di Dewan Astaka universiti berkenaan.

Turut hadir, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid SK Jaya Gading, Zuryati Che Mohd.

Dr Ahmad berkata, pemilihan SK Jaya Gading dalam program sulung itu sebagai tanda penghargaan di atas hubungan erat mereka dengan pihak sekolah yang juga sekolah angkat fakulti berkenaan sejak setahun lalu.